CIMB Bank Berhad (13491-P)

**NOTIS PENTING BERTARIKH: 14 MAY 2024**
**NOTIS PINDAAN PERJANJIAN PERBANKAN DALAM TALIAN CIMB**

Pelanggan yang dihormati,

Harap maklum bahawa Perjanjian Perbankan Dalam Talian CIMB telah dipinda untuk persediaan kali pertama dan log masuk ke Aplikasi Perbankan Mudah Alih CIMB, dan akan berkuat kuasa pada 04 June 2024. Klausa yang disemak/dipinda dinyatakan dalam jadual di bawah:

| Klausa Sedia Ada | Rasional/ Klausa Disemak |
|---|---|
| Klausa berkaitan dengan “Goals & Savings”<br><br>1. Definisi untuk “Goals & Savings”<br>2. Klausa 7.1.17 “Goals & Savings” sebagai perkhidmatan perbankan<br>3. Klausa 18.3 - Meskipun CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank ("Bank-bank") akan mengambil usaha yang munasabah untuk memastikan bahawa maklumat produk, harga dan kadar di laman web mereka masing-masing dan "Goals and Savings" berkenaan dengan kemajuan penyediaan "Goals" adalah tepat dan terkini, ada kalanya maklumat, harga atau kadar yang tidak tepat atau tidak lengkap mungkin dipaparkan dengan tidak sengaja. Jika maklumat, harga atau kadar tersebut adalah tidak tepat atau tidak lengkap, Bank-bank boleh menolak, mengelak dan/atau membatalkan sebarang pesanan yang dibuat dan atau sebarang transaksi yang dilaksanakan di bawah Akaun, Perkhidmatan Perbankan dan apa-apa transaksi lain yang dilaksanakan disebabkan oleh maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap tersebut. CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank tidak bertanggungjawab atas apa-apa kesilapan atau ketinggalan dalam kandungan Perbankan Atas Talian CIMB, dan dengan nyata mengecualikan liabiliti terhadap apa-apa kerugian yang ditanggung akibat kesilapan, ketidaktepatan, salah nyata atau ketinggalan tersebut, kecuali setakat mana diakibatkan semata-mata oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB Bank atau CIMB Islamic Bank. | Mengecualikan “Goals & Savings” dari Klausa yang berkaitan sebab perkhidmatan ini telah diperhentikan. Klausa yang berkaitan adalah:<br>1. Definisi<br>2. Klausa 7.1.17<br>3. Klausa 18.3 - Meskipun CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank ("Bank-bank") akan mengambil usaha yang munasabah untuk memastikan bahawa maklumat produk, **dan** harga dan kadar di laman web mereka masing-masing ~~**dan "Goals and Savings" berkenaan dengan kemajuan penyediaan "Goals"**~~ adalah tepat dan terkini, ada kalanya maklumat, harga atau kadar yang tidak tepat atau tidak lengkap mungkin dipaparkan dengan tidak sengaja. Jika maklumat, harga atau kadar tersebut adalah tidak tepat atau tidak lengkap, Bank-bank boleh menolak, mengelak dan/atau membatalkan sebarang pesanan yang dibuat dan atau sebarang transaksi yang dilaksanakan di bawah Akaun, Perkhidmatan Perbankan dan apa-apa transaksi lain yang dilaksanakan disebabkan oleh maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap tersebut. CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank tidak bertanggungjawab atas apa-apa kesilapan atau ketinggalan dalam kandungan Perbankan Atas Talian CIMB, dan dengan nyata mengecualikan liabiliti terhadap apa-apa kerugian yang ditanggung akibat kesilapan, ketidaktepatan, salah nyata atau ketinggalan tersebut, kecuali setakat mana diakibatkan semata-mata oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB Bank atau CIMB Islamic Bank. |
| 7.2 Anda mengakui dan memahami bahawa Perkhidmatan Perbankan, fungsi dan/atau Akaun tertentu mungkin tidak disediakan atau tidak boleh diakses dalam Aplikasi Perbankan Mudah Alih CIMB kerana liputan penuh Perkhidmatan Perbankan hanya disediakan melalui CIMB Clicks. | 7.2 Anda mengakui dan memahami bahawa Perkhidmatan Perbankan, fungsi dan/atau Akaun tertentu mungkin tidak disediakan atau tidak boleh diakses dalam Aplikasi Perbankan Mudah Alih CIMB ~~**kerana liputan penuh Perkhidmatan Perbankan hanya disediakan melalui**~~ **dan/atau** CIMB Clicks. |

Perjanjian Perbankan Atas Talian CIMB boleh disemak melalui URL di bawah:

English \| Bahasa Malaysia

Untuk maklumat lanjut, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan Pengguna kami di +603 6204 7788.

**Pengurusan**
**CIMB Bank Berhad**